



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TAZKIRAH MESYUARAT SENAT

28 SEPTEMBER 2022

TAJUK: BERSANGKA BAIK SESAMA MANUSIA



Pendahuluan

- Dua bentuk hubungan : habulum minallah dan habum minannas
- Beberapa peraturan/ konsep dalam Islam diwujudkan bagi memelihara kedua-dua bentuk hubungan

Asas: QS. Al-Hujurat Ayat 12

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan sangkaan, kerana sebahagian dari sangkaan itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip dan janganlah mengumpat satu sama lain. Adakah seorang diantara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

Asas: Hadith Riwayat al-Bukhari (6064)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ، وَلَا تَحَسَّسُوا، وَلَا تَجَسَّسُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا»

Jauhilah prasangka buruk, kerana prasangka buruk adalah ucapan yang paling dusta, janganlah kalian saling mendiamkan, janganlah suka mencari-cari isu, saling mendengki, saling membelakangi, serta saling membenci, tetapi, jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara

Berbaik sangka satu tuntutan

Berbaik sangka sangat dituntut kerana bersangka baik itu lebih baik, mulia dan dapat mengelakkan dari pada menuduh orang lain berbuat jahat atau melakukan keburukan.

Dalam muamalah harian, termasuk organisasi - baik sangka menjadi amat penting. Kerana banyak konflik, permusuhan, bahkan pembunuhan timbul hanya kerana persangkaan yang buruk.

Kata-kata Sayyidina Umar r.a.:

وَلَا تَظَنَّ بِكَلِمَةٍ خَرَجَتْ مِنْ أَخِيكَ الْمُؤْمِنِ إِلَّا خَيْرًا، وَأَنْتَ
تَجِدُ لَهَا فِي الْخَيْرِ مَحْمَلًا

Jangan sekali-kali kamu mempunyai prasangka terhadap suatu kalimat yang keluar dari lisan saudaramu yang mukmin melainkan hanya kebaikan belaka. Dan hendaklah kamu selalu membawa perkataannya itu kepada prasangka-prasangka yang baik (Tafsir Ibnu Katsir)

- Buruk sangka : menaruh curiga kepada seseorang yang belum terbukti orang tersebut melakukan kesalahan atau menafikan sesuatu kesalahan tetapi terus dimusuhi dan dilemparkan kata-kata kesangsian.
- Bersangka buruk boleh mengundang kepada berlakunya fitnah yang merupakan antara dosa besar yang juga merbahaya kepada organisasi

Sikap berbaik sangka dapat mengelakkan masyarakat daripada berpecah-belah antara satu sama lain yang akan merugikan semua pihak. Berbaik sangka juga dapat membersihkan hati dari perkara-perkara mungkar dari terus bersarang di hati kita. Ia juga akan mengeratkan hubungan persahabatan dan persaudaraan yang sedia terjalin, selain menjadikan kita sentiasa bersifat positif ke atas pandangan serta kejayaan orang lain

Walau bagaimanapun, kita tidak dituntut untuk bersangka baik bagi suatu kesalahan, maksiat dan dosa yang telah jelas dibuktikan. Hal ini bertepatan dengan mafhum satu hadis berkenaan kewajipan setiap orang untuk mencegah kemungkaran sesuai dengan kemampuan seseorang (Riwayat Muslim).

Kerana itu, proses rundingan dan perbincangan perlu dilakukan dengan orang yang disyaki atau didakwa melakukan kesalahan dengan proses yang seadil-adilnya

Maka marilah kita semua mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga UTM ini. Jauhilah sikap berburuk sangka dalam hati sesama warga kerana ia akan merugikan organisasi sendiri.

Akhirnya, renungkan satu syair yang merupakan saranan dari Imam al-Syafie berkenaan sikap berburuk sangka sesama manusia:

وَعَيْنُ الرَّضَا عَنْ كُلِّ عَيْبٍ كَلِيلَةٌ. كَمَا أَنَّ عَيْنَ السُّخْطِ تُبَدِي الْمَسَاوِي

“Mata apabila disaluti dengan rasa cinta, maka yang nampak hanyalah yang indah-indah sahaja, tetapi apabila mata disaluti dengan rasa benci, maka yang nampak hanyalah yang keji-keji sahaja.”

TERIMA KASIH



utm.my



[univteknologimalaysia](https://www.facebook.com/univteknologimalaysia)



[utmofficial](https://www.instagram.com/utmofficial)

Kerana Tuhan untuk Manusia